

BAJA GUNUNG BERAPI BAKAM SUCI ORI

PANDUAN ASAS PENJAGAAN KEBUN DAN TANAMAN UNTUK MENJANA HASIL YANG TINGGI, BERKUALITI DAN BERTERUSAN.

Pengenalan

Pertanian merupakan salah satu sektor yang dapat menjana hasil yang lumayan, amat di berkati serta boleh di jadikan salah satu cabang pendapatan yang tiada penghujungnya. Malah pertanian secara sistematik dengan penjagaan yang sempurna dapat di jadikan satu cabang perniagaan yang amat berjaya. Malangnya pengetahuan kebanyakan usahawantani di Malaysia di dalam bidang pertanian serta cara-cara penjagaan nya agak cetek berbanding negara jiran terdekat seperti Thailand yang walaupun mempunyai tanah dan kemudahan yang terhad tetapi tetap dapat menjana hasil yang tinggi serta berkualiti. Apakah rahsia mereka? Di sini kita akan cuba mengupas asas-asas yang amat di perlukan oleh usahawantani agar dapat menyaingi usahawantani di negara jiran dalam menjana hasil pertanian yang tinggi serta berkualiti dan seterusnya meraih pendapatan yang tinggi demi meringankan beban perbelanjaan yang semakin meningkat.

Asas Penjagaan Penting Untuk Tanaman.

Pada asasnya, terdapat Tiga (3) elemen penting yang amat perlu di titikberatkan oleh usahawantani untuk mendapatkan tanaman yang subur dan mengeluarkan hasil yang tinggi dan berkualiti.

Perkara yang amat-amat perlu di beri perhatian adalah:

- PASTIKAN KEADAAN TANAH SENTIASA SUBUR.**
- PASTIKAN NUTRIEN UNTUK TANAMAN MENCUKUPI**
- PASTIKAN SERANGAN PEROSAK DI KAWAL RAPI**

Di bawah ini kita kupaskan satu persatu perkara-perkara asas seperti di atas untuk memberi penerangan yang lebih jelas kepada usahawantani.



PASTIKAN KEADAAN TANAH SENTIASA SUBUR.

Tahukah anda bahawa kebanyakan kebun di Malaysia mengalami masalah kesuburan tanah? Puncanya adalah kerana penggunaan bahan kimia secara intensif seperti baja kimia, racun kimia dan lain-lain bahan kimia. Penggunaan bahan-bahan kimia ini akan menyebabkan tanah menjadi rosak atau di panggil tanah mati dan menyebabkan segala biodiversiti tanah seperti mikrob, cacing, bacteria serta lain-lain hidupan tanah tidak dapat hidup dan membiak. ***Tanpa tanah yang subur, tanaman tidak akan subur walaupun di beri nutrien yang berkualiti dan mencukupi.***

Indikasi tanah subur adalah tanah yang berstruktur gembur/peroi, mengandungi kandungan mineral yang tinggi dan mengandungi cacing, mikroorganisma tanah dan kadar pertukaran kation (CEC) yang tinggi.

Jadi bagaimana untuk menjadikan tanah kebun anda SUBUR?

Cara yang paling murah, cepat dan berkesan adalah dengan menggunakan Zeolite Asli atau lebih di kenali sebagai BAJA GUNUNG BERAPI BAKAM SUCI ORI. Bahan ini mengandungi kandungan mineral yang tinggi, pH beralkali, mempunyai pertukaran kation(CEC) yang tinggi dan yang paling penting bersifat organik semulajadi.

Bahan ini telah di perakui sejak dari dahulu dapat membantu meningkatkan kesuburan tanah dengan cepat dan berkesan serta tidak mempunyai kesan sampingan.

PASTIKAN NUTRIEN UNTUK TANAMAN MENCUKUPI

Perlu di ingat sebelum di berikan nutrien yang mencukupi, PASTIKAN tanah dalam berkeadaan subur terlebih dahulu!!! Ini adalah kerana apabila persekitaran tanaman subur, kadar penyerapan nutrien akan berada pada tahap paling maksimum dan efisien.

Perkara kedua yang perlu di titikberatkan adalah pemberian nutrien yang mencukupi. Nutrien untuk tanaman boleh di dapati dalam bentuk Baja Kimia atau Baja Organik. Sekiranya menggunakan Baja Kimia SILA PASTIKAN kesuburan tanah di kawal dengan menggunakan BAJA GUNUNG BERAPI BAKAM SUCI ORI untuk menghindari dari kerosakan tanah..



Cara menggunakannya adalah dengan mencampurkannya pada kadar 1:1 atau mengikut kesesuaian ATAU selang selikan antara Baja Kimia dan BAJA GUNUNG BERAPI BAKAM SUCI ORI.

Sekiranya ingin menggunakan baja organik sepenuhnya, selang-selikan baja kompos atau humus dengan Baja Gunung Berapi Bakam Suci Ori untuk memastikan kesuburan tanah yang tinggi serta memaksimumkan kadar penyerapan nutrien untuk menjadikan tanaman anda menjadi subur.

Berikut adalah senarai nutrient-nutrien yang di perlukan oleh Tanaman:

| Jenis Nutrien | Elemen | Simbol | Punca | |
|---------------|---------------|-----------|--------------------------------------|--------------------------------------|
| Nutrien Makro | Karbon | C | Udara | |
| | Hidrogen | H | | |
| | Oksigen | O | | |
| | Nutrien Makro | Nitrogen | N | Tanah/Baja Sebatian/ Baja Organik |
| | | Fosfat | P | |
| | | Kalium | K | |
| | | Magnesium | Mg | |
| | | Kalsium | Ca | |
| | | Sulfur | S | |
| Nutrien Mikro | Ferum | Fe | Tanah/Baja Sebatian/ Baja Organik | |
| | Zink | Zn | | |
| | Molybdenum | Mo | | |
| | Natrium | Na | | |
| | Manganese | Mn | | |
| | Boron | B | | |
| | Kuprum | Cu | | |
| | Kobalt | Ko | | |
| | Klorin | Cl | | |

Nota: Kadar sukatan nutrien adalah berbeza mengikut jenis dan usia tanaman.





Copyright 2009 Bakam Suci Sdn Bhd

PASTIKAN SERANGAN PEROSAK TANAMAN DI KAWAL RAPI

Pengawalan perosak hendaklah di kawal rapi untuk menjamin kualiti hasil. Jenis kawalan perosak untuk kulat dan serangga adalah berbeza mengikut tanaman. Sila rujuk pakar atau Jabatan Pertanian untuk keterangan lanjut.

Dengan penjagaan rapi seperti di atas, insyaallah hasil kebun akan dapat di jana dengan lebih tinggi serta berkualiti seterusnya dapat meningkatkan pendapatan

DIAGRAM TUMBESARAN DAN PEMAKANAN TUMBUHAN



**PASTIKAN
KESUBURAN
TANAH (PENTING!!!)
Tanah Subur akan
meningkatkan kadar
penyerapan nutrien**

| | |
|-----------------------------|---|
| Elemen Nutrien Makro | Nitrogen (N), Fosfat (P), Kalium (K), Magnesium (Mg), Kalsium (Ca), Sulfur (S) |
| Elemen Nutrien Mikro | Karbon (C), Hidrogen (H), Oksigen (O), Ferum (Fe), Zink (Zn), Molybdenum (Mo), Natrium (Na), Manganese (Mn), Boron (B), Kuprum (Cu), Kobalt (Co), Klorin (Cl) |

